



**KENYATAAN MEDIA BERSAMA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
DAN KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**Mekanisme Menangani Isu-isu Golongan Gelandangan Menerusi
Pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan menerajui usaha-usaha untuk menangani isu-isu berkaitan gelandangan secara holistik dengan penglibatan dan kerjasama daripada pelbagai kementerian/agensi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menerusi **Pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)**. Tanggungjawab ini telah diputuskan oleh YAB Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Majlis Sosial semasa Yang Amat Berhormat mempengerusikan Mesyuarat *High Level Committee* Majlis Sosial pada **18 Februari 2016** di Pejabat Timbalan Perdana Menteri, Bangunan Putra Perdana, Putrajaya.

Selaras dengan keputusan tersebut, KPWKM mengambil **tindakan segera mengadakan Operasi Pengemis Inter Agensi** dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan agensi-agensi lain yang berkaitan di sekitar Kuala Lumpur, malam tadi.

Operasi tersebut telah berjaya menyelamatkan seramai 26 orang pengemis yang terdiri daripada warganegara dan bukan warganegara Malaysia. Pengemis warganegara telah ditempatkan di institusi - institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat mengikut peruntukan di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977. Manakala, pengemis bukan warganegara pula telah ditempatkan di Depoh Tahanan Imigresen di Bukit Jalil dan Semenyih oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia.

YB Dato' Sri Rohani, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata "**Kementerian memandang serius masalah gelandangan yang berlaku dan mengambil langkah sewajarnya dengan terus mengadakan Operasi Pengemis Inter Agensi.** Saya ingin menyeru kepada orang ramai supaya bersama-sama dengan kementerian dan agensi berkaitan dalam menangani isu gelandangan di negara ini."

Pada hari yang sama juga, menerusi **sesi perjumpaan YAB Timbalan Perdana Menteri dengan pihak NGO berkaitan gelandangan** dan turut dihadiri oleh KPWKM serta Kementerian Wilayah Persekutuan, persetujuan telah dicapai supaya ditubuhkan **satu badan khas untuk menyelaras semua aktiviti/program/bantuan berkaitan gelandangan** bagi memastikan tiada pertindihan fungsi. Koordinasi aktiviti/program/bantuan yang lebih menyeluruh ini akan memastikan aktiviti/program/bantuan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan merangkumi aspek perlindungan, kesihatan, kemahiran, pendidikan dan kerohanian.

Bahagian Dasar
KPWKM
19 Februari 2016